

KENYATAAN MEDIA

26 OGOS 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Suruhanjaya Tenaga Melakukan Pembaikan Pendawaian di Pusat Tahfiz

Muar, 26 Ogos – Selepas Sabah, Melaka dan Selangor, Suruhanjaya Tenaga (ST) sekali lagi melaksanakan siri program Touchpoint, di Madrasah Tahfiz Al-Ikhsan, Muar, Johor, di sini hari ini.

Melalui program ini, sebanyak RM10,000 diperuntukkan di mana kos ini meliputi kerja-kerja pembaikan pendawaian, pengujian serta pemasangan kelengkapan elektrik seperti kipas dan lampu LED. Kerja-kerja pembaikan dan pemasangan telah dimulakan pada 15 Ogos 2019 oleh pihak kontraktor berdaftar yang terpilih.

Selain itu, satu Seminar Keselamatan Elektrik dan Gas serta Kecekapan Tenaga turut dilaksanakan oleh ST, yang melibatkan kira-kira 150 pelajar tahfiz di sekitar daerah Muar. Seminar ini diadakan bagi menambah pengetahuan pelajar tahfiz ini berkenaan soal keselamatan elektrik, selain membudayakan penggunaan tenaga secara cekap.

Pengarah Pejabat Kawasan ST Negeri Johor, Nazlin Ab Salim Sidiki berkata, program CSR seperti Touchpoint ini dilakukan oleh ST secara berterusan sepanjang tahun, bagi meningkatkan kesedaran mengenai aspek keselamatan elektrik dan kecekapan tenaga.

“Untuk kali ini, pusat tahfiz ini terpilih setelah kami menerima makluman bahawa rumah tahfiz ini baru saja terlibat dalam kejadian ribut baru-baru ini. Kami mengambil kesempatan ini untuk sama-sama membaiki rumah ini terutama dari segi aspek pendawaian dan keselamatan elektrik,” katanya.

Program Touchpoint merupakan sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu premis institusi-institusi yang tidak berasaskan keuntungan

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

(*non-profit institutions*) serta golongan yang tidak berkemampuan untuk memastikan pendawaian elektrik di kediaman yang mereka duduki selamat. Diadakan setiap tahun, program ini juga diharap dapat membantu golongan yang tidak berkemampuan serta meringankan beban yang ditanggung pihak pengurusan rumah-rumah kebajikan yang terlibat.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Harith Safruddin/Zairulliati Mali

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8598/03 8870 8661/018-3822545(Harith)/013 2183778 (Zairulliati)

Emel: harith@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.